

07 SEP 2003

Mahathir-Penambakan

MALAYSIA PILIH TIMBANG TARA KERANA RUNDINGAN GAGAL, KATA PM

JITRA, 7 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia memilih kaedah timbang tara bagi menyelesaikan isu penambakan laut oleh Singapura setelah beberapa siri rundingan sebelum ini gagal.

Perdana Menteri berkata setelah perundingan menemui jalan buntu, menggunakan pihak ketiga bagi menyelesaikan masalah itu adalah jalan yang terbaik.

Beliau berkata sudah beberapa kali perbincangan diadakan tetapi jalan penyelesaian tidak dapat ditemui sebaliknya Singapura cuba memburukkan negara ini dalam isu berkenaan.

"Bertahun dah, kita cuba nak berunding tapi dia (Singapura) dok pi cerita kat orang lain, kata dia yang benar dalam isu itu. Dulu kita pilih rundingan tapi rundingan tidak berjaya, tak kan kita nak pilih perang," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin Barisan Nasional Parlimen Kubang Pasu di pejabat Umno bahagian itu di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Kementerian Luar Singapura yang menyebut kerajaan negara itu kecewa dengan keputusan Malaysia yang mengambil tindakan menyelesaikan isu penambakan laut berkenaan melalui timbang tara dan bukan melalui perundingan.

Dr Mahathir memberi kiasan mengenai keadah timbang tara itu seperti dua orang yang berkelahi.

"Bila dua orang berkelahi dan mereka tak boleh menyelesaikannya, mereka bawa perkara berkenaan kepada orang ketiga," katanya.

Perdana Menteri berkata Singapura telah diberitahu mengenai hasrat Malaysia untuk merujuk isu berkenaan kepada timbang tara bagaimanapun beliau tidak pasti apakah respons kerajaan negara itu.

"Saya tidak tahu (respons negara itu), saya ingat dah ada," katanya semasa ditanya apakah respons rasmi kerajaan Singapura sebelum ini apabila dimaklumkan mengenai hasrat menggunakan kaedah timbang tara itu.

-- BERNAMA

MZM RHM